

Media Title : Kosmo
Headline : ASEAN Dijangka Muncul Ekonomi Keenam Terbesar Dunia
Date : 5 August 2017
Page : 4
PR Value : 17,610.66



ASEAN dijangka muncul ekonomi keenam terbesar dunia

KUALA LUMPUR – ASEAN dijangka menjadi ekonomi keenam terbesar dunia berdasarkan anggaran terbaru berbanding ketujuh pada tempoh 1975 dan 2016, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, pencapaian berkenaan juga menunjukkan daya tahan Malaysia yang merupakan anggota gagasan itu dalam persekitaran global yang mencabar.

“Ekonomi Malaysia juga menunjukkan pengukuhan sejak beberapa tahun-tahun kebelakangan ini.

“Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa dan Pertumbuhan Kerjasama dan Pembangunan ekonomi telah mengeluarkan

laporan yang memuji pengurusan makro ekonomi kerajaan yang mantap dan kejayaan kita dalam mentransformasi ekonomi menjadi satu ekonomi yang pelbagai dan inklusif,” katanya dalam ucapan utama pada majlis makan malam dan penyampaian anugerah pencapaian ASEAN@50 di sini malam tadi.

Majlis yang dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) Malaysia itu dihadiri 600 tetamu dari Malaysia, rantau ASEAN dan negara lain.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. – Bernama



NAJIB (empat dari kanan) dan Rosmah (lima dari kiri) memotong kek sempena sambutan ke-50 ASEAN pada majlis makan malam dan penyampaian anugerah pencapaian ASEAN@50 di Kuala Lumpur malam tadi.